



# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## BANK ISLAM JALIN KERJASAMA DENGAN PENGGIAT FINTECH PERKHIDMATAN PEMBAYARAN TANPA TUNAI

### Laksana Inisiatif Perbankan Digital bagi Meningkatkan Pendapatan Berasaskan Fi

**KUALA LUMPUR, (18 Julai 2019)** – Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini secara rasminya menandatangani memorandum persefahaman dengan dua syarikat teknologi kewangan (“Fintech”) iaitu BerryPay (M) Sdn. Bhd. (“BerryPay”) dan KiplePay Sdn. Bhd. (“KiplePay”) bagi menawarkan kemudahan transaksi kewangan melalui kiriman wang mudah alih dan platform dompet elektronik (e-dompet atau e-wallet).

Majlis berkenaan disaksikan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”) Bank Islam; Dato Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi BerryPay dan Encik Tan Kay Yen, Ketua Pegawai Eksekutif KiplePay.

Menerusi pemeteraian memorandum berkenaan, BerryPay akan menyediakan perkhidmatan pengiriman wang mudah alih bagi kemudahan pemegang akaun pekerja asing dengan menghubungkan mereka melalui akaun bank maya dalam sistem perbankan elektronik yang unik kepada penerima lain dan sebaliknya. Melalui kerjasama dengan Bank Islam, BerryPay berhasrat untuk menyediakan penyelesaian menyeluruh untuk pekerja asing dalam sektor perladangan, pemindahan dana rakan setaraf serta pembayaran rentas sempadan untuk para pelanggannya.

Sementara itu, KiplePay adalah penyedia perkhidmatan e-dompet berlesen Bank Negara Malaysia. Ia menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran tanpa tunai untuk perniagaan dan e-dompet untuk pengguna. Melalui kerjasama ini, KiplePay dan Bank Islam berhasrat untuk memperkasakan komuniti tanpa tunai terutamanya dalam sektor pendidikan dan menyokong pertumbuhan pesat dalam segmen pembayaran bagi industri e-dagang. Sebagai permulaan, KiplePay akan memperkenalkan saluran pembayaran baharu untuk Bank Islam melalui kod QR, yang berupaya untuk melaksanakan transaksi tambah nilai perkhidmatan mudah alih serta pemasaran dalam aplikasi kepada pengguna.

Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kerjasama dengan BerryPay dan KiplePay ini adalah bukti transformasi kami untuk menjadi bank Islam digital pilihan menjelang akhir tahun 2021. Kami mewujudkan kerjasama yang bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan memacu negara bagi mencapai matlamat masyarakat tanpa tunai dan agenda rangkuman kewangan."

BerryPay adalah platform perbankan maya rentas sempadan yang menggalakkan rangkuman kewangan segmen yang tidak mendapat liputan perkhidmatan perbankan di Indonesia, negara-negara Asia Selatan yang lain dan di seluruh dunia. Ia berhasrat untuk menjadi platform pengiriman wang dan pembayaran rentas sempadan yang lebih mudah kepada pelanggan. Melalui usaha sama dengan Bank Islam, BerryPay menjangka untuk memperluaskan keupayaan penyelesaiannya kepada pengguna di Malaysia yang mempunyai keperluan untuk melakukan transaksi rentas sempadan dengan lancar, hanya dari telapak tangan mereka.

Selain itu, KiplePay bukan hanya akan memacu ekosistem tanpa tunai di universiti tetapi juga akan menyokong Bank Islam dan pedagang dalam talian mereka dalam ruang B2B melalui penyelesaian gerbang Bank Islam yang dipertingkatkan. Ini bagi memperkuuhkan pertumbuhan pesat dalam industri e-dagang dan transaksi dalam talian.

"Dengan memanfaatkan gerbang pembayaran yang moden, KiplePay akan membantu pedagang Bank Islam mengubahsuaikan halaman pembayaran mereka, menyediakan penyelesaian yang cepat dan mudah sambil menikmati kadar pelbagai peringkat berdasarkan jenis perniagaan," kata Encik Tan Kay Yen, Ketua Pegawai Eksekutif KiplePay.

"Melalui kerjasama ini, Bank Islam akan memberi tumpuan yang lebih dalam meningkatkan pendapatan berdasarkan fi. Kami juga dan berhasrat untuk bekerjasama dengan lebih banyak penggiat Fintech dan mengalu-alukan mereka untuk menawarkan perkhidmatan baharu dan lebih baik demi manfaat pelanggan kami," tambah Encik Muazzam.

Untuk maklumat lanjut, layari laman [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur	<b>Omar Atin</b> Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur
---	--

Tel: 03-2782 1232	Tel.: 03-2781 2943
Mobile: 019-339 4491	Mobile: 019-391 9144
Faks: 03-2782 2998	Faks: 03-2782 2998
Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a>	Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a>
Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>